# KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

| BIL. | BUTIR-BUTIR TENDER | KOD BIDANG/ KELAYAKAN | WAKTU URUSAN & TAKLIMAT TENDER | TARIKH, HARGA DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **NO. TENDER**<br>**T0009/20**<br>**NO. RUJUKAN**<br>**MBI/B6/13/04/20**<br><br>TENDER MENCETAK DAN MEMBEKAL KUPON, PAS, PELEKAT DAN PLASTIK BAGI PERKHIDMATAN TEMPAT LETAK KERETA DI MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN | **(TERBUKA)**<br>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN<br><br>**KOD BIDANG**<br>**221603** : MENCETAK LABEL, POSTER, PELEKAT DAN IRON ON (PERLU LESEN KDN)<br>DAN,<br>**221607**: CETAKAN KESELAMATAN (PERLU LESEN KDN) | **WAKTU URUSAN**<br>Isnin-Khamis<br>8:00 Pagi - 1:00 Petang<br>2:00 Petang - 3:30 Petang<br>Jumaat<br>8:00 Pagi - 12.15 Tengah Hari<br>2:45 Petang – 3:30 Petang<br><br>**LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER**<br>Peti Tender/ Sebut Harga<br>Tingkat 1, Unit Perolehan Dan Ukur Bahan<br>Majlis Bandaraya Ipoh | **TARIKH DOKUMEN DIJUAL**<br>**9 OKTOBER 2020 (JUMAAT)**<br>HINGGA<br>**4 NOVEMBER 2020 (RABU)**<br><br>**TARIKH TUTUP TENDER**<br>**5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**<br><br>**TEMPAT DOKUMEN DIJUAL**<br>TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN<br>MAJLIS BANDARAYA IPOH |
| **2.** | **NO. TENDER**<br>**T0010/20**<br>**NO. RUJUKAN**<br>**F4/6/30/19**<br><br>CADANGAN KERJA REKA DAN BINA MENAIKTARAF SISTEM HAWA DINGIN DI BANGUNAN IBU PEJABAT MBI TERMASUK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SECARA SEWA BELI BAGI TEMPOH 60 BULAN**.** | **(BUMIPUTERA)**<br><br>GRED:<br>**G6 @ G7**<br><br>KATEGORI<br>**ME**<br><br>PENGKHUSUSAN<br>**M10** | **SESI TAKLIMAT DIWAJIBKAN SEPERTI BERIKUT**<br>**TARIKH : 13 OKTOBER 2020 (SELASA)**<br>**MASA : 9.00 - 9.59 PAGI (PENDAFTARAN)**<br>**: 10.00 PAGI (TAKLIMAT)**<br>**TEMPAT : TINGKAT 2, BILIK GERAKAN MAJLIS BANDARAYA IPOH**<br>**WAJIB MEMBAWA LESEN ASAL, JIKA WAKIL POHON KEMUKAKAN SURAT WAKIL YANG SAH**<br><br>**SILA PATUHI SOP PKPP YANG DITETAPKAN**<br>❖ Wajib Makai Pelitup Muka<br>❖ Daftar Nama Penuh Dan Mengaplikasi 'QR Code' Mysejahtera<br>❖ Menjaga Jarak Fizikal/ Sosial 1 Meter Antara Satu Sama Lain<br>❖ Suhu Badan Yang Melebihi 37.5 Tidak Dibenarkan Masuk<br>❖ Pengguna Hand Sanitizer<br>❖ Mematuhi Semua SOP PKPP Majlis Keselamatan Negara Dari Masa Ke Semasa | **TARIKH DOKUMEN DIJUAL**<br>**13 OKTOBER 2020 (SELASA)**<br>HINGGA<br>**4 NOVEMBER 2020 (RABU)**<br><br>**TARIKH TUTUP TENDER**<br>**5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**<br><br>**TEMPAT DOKUMEN DIJUAL**<br>TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN<br>MAJLIS BANDARAYA IPOH<br><br>**HARGA DOKUMEN**<br>**RM50.00**<br>(TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) |

3. Satu salinan 'Naskah Meja Dokumen Tender' akan dipamerkan di Unit Perolehan, Tingkat 1, Bahagian Ukur Bahan & Perolehan mulai **8 Oktober 2020 (Khamis)** dari jam 9:00 pagi hingga 4:00 petang bagi membolehkan peternder menyemak dokumen tender tersebut sebelum membuat pembelian.

4. Sekiranya penender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh, dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen dan pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat atau wakil yang sah sahaja dengan menunjukkan **sijil asal Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), 3 bulan sebelum tamat tempoh, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), 3 bulan sebelum tamat tempoh dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB, 60 hari sebelum tamat tempoh** berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil bagi bukan pemegang asal sijil.

5. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Perolehan, Tingkat 1,Bahagian Ukur Bahan & Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh**.

6. Penender tidak mempunyai sebarang tunggakan **(Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai tender ini.

7. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.